

Vaksin pneukokal cegah penyakit pernafasan

Data Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 2009 menunjukkan 3.9 juta kanak-kanak meninggal dunia setiap tahun akibat jangkitan saluran pernafasan kanak-kanak atau Lower Respiratory Infection (LRI).

LRI yang lazimnya menyerang kanak-kanak berumur dua tahun ke bawah itu dikenal pasti berpunca daripada kuman bakteria

dipanggil *Streptococcus pneumoniae*, yang menyebabkan penyakit pneumokokal.

Pakar kanak-kanak Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Norlijah Othman (**gambar**), berkata apa yang lebih membimbangkan ialah penemuan virus baharu iaitu bocavirus, metapneumovirus dan rhinovirus C yang turut menjadi penyebab LRI kini dikesan wujud



di Malaysia serta beberapa negara lain.

“LRI juga dikenal pasti sebagai punca kematian tertinggi kalangan kanak-kanak berbanding penyakit lain dan kita bimbang jika tiada usaha atau tindakan dilakukan segera, wabak ini boleh menular selain membimbangkan masyarakat khususnya ibu bapa.

“Peka dengan situasi ini, penyelidikan saya mendapati kaedah terbaik bagi melindungi kanak-kanak daripada dijangkiti penyakit pneumokokal ialah menerusi suntikan vaksin pneumokokal (PCV) pada tempoh awal kanak-kanak,” katanya.

Perlindungan si kecil

Bagaimanapun, katanya, ketika ini vaksin PCV belum dimasukkan di dalam jadual imunisasi

kanak-kanak di Malaysia berbanding di negara luar yang bertindak mewajibkan pengambilan vaksin terbabit dalam kalangan kanak-kanak seawal bayi sebagai langkah pencegahan awal.

Dr Norlijah yang juga Dekan Fakulti Perubatan dan Kesihatan UPM berkata, pengambilan vaksin itu mampu melindungi kanak-kanak daripada jangkitan bakteria yang boleh menyebabkan penyakit meningitis, pneumonia, dan infeksi telinga.

“LRI menular di kebanyakan negara membangun dan Malaysia tidak terkecuali berdepan dengan situasi sama dan kita berharap agar pihak kerajaan melakukan tindakan segera dengan mewajibkan pengambilan vaksin ini kepada setiap kanak-kanak, katanya.